



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Taman Negara (Pindaan) 1983
DR.18/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Taman Negara 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Taman Negara (Pindaan) 1983.

Tajuk
ringkas.

2. Subseksyen (3) seksyen 3 Akta Taman Negara 1980, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dengan persetujuan bertulis dari Menteri” dengan perkataan-perkataan “selepas berunding dengan Menteri”.

Pindaan
seksyen 3.
Akta 226.

3. Subseksyen (1) seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 5.

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) Setiausaha Kerajaan Negeri tiap-tiap Negeri di mana terdapat suatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya;”
dan

(b) dengan menggantikan perkataan “seorang” dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan “tiga orang”.

Pindaan
seksyen 7.

4. Subseksyen (1) seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) Pengarah Tanah dan Galian tiap-tiap Negeri di mana terdapat suatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya;”;

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “dan” di mana ia mula-mula terdapat dalam perenggan (b) perkataan-perkataan “, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri,”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perkataan “Menteri” perkataan-perkataan “, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri,”.

Pindaan
seksyen 9.

5. Subseksyen (1) seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dengan persetujuan” dengan perkataan-perkataan “selepas berunding dengan”.

Pindaan
seksyen 10.

6. Subseksyen (2) seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dengan persetujuan” dengan perkataan-perkataan “selepas berunding dengan”.

Pindaan
seksyen 11.

7. Subseksyen (1) seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “boleh” di mana ia mula-mula terdapat perkataan-perkataan “, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri,”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Taman Negara 1980.

1. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 (3) Akta supaya menghendaki perundingan dengan Menteri sahaja dalam pembatalan sesuatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya. Pada masa ini persetujuan Menteri adalah dikehendaki.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 5 (1) Akta untuk menambah perwakilan dalam Majlis Penasihat Taman Negara dari Negeri di mana ada suatu Taman Negara atau sebahagian daripadanya.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7 (1) (a), 7 (i) (b) dan 7 (1) (c). Pindaan kepada seksyen 7 (1) (a) bertujuan mengadakan seorang ahli baru dalam jawatankuasa Taman Negara. Pindaan-pindaan kepada seksyen 7 (1) (b) dan 7 (1) (c) bertujuan menjadikan suatu kewajipan kepada Menteri supaya berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri mengenai susunan anggota-anggota jawatankuasa Taman Negara.

4. *Fasal-fasal 5 dan 6* bertujuan meminda seksyen 9 (1) dan 10 (2) Akta supaya Pihak Berkuasa Negeri hanya perlu berunding dengan Menteri sebelum memajak atau membenarkan penggunaan atau pendudukan mana-mana tanah dalam sesuatu Taman Negara, atau membenarkan mencarigali dan melombong longgokan galian dalam sesuatu Taman Negara. Pada masa ini persetujuan Menteri adalah dikehendaki.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 11 (1) Akta untuk menghendaki Menteri berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri sebelum membuat peraturan-peraturan di bawah Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1234; PN. (SBKA) 41.]